



**EDISI
2022 12**

e-BULETIN HASiL



5 PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN SEBELUM TAHUN 2022 BERAKHIR :

- 1 DAFTAR SEBAGAI PENGGUNA MYTAX
- 2 KUMPUL DOKUMEN BERKAITAN PELAPORAN CUKAI TT 2022 TERMASUK PELEPASAN
- 3 SEMAK KEDUDUKAN CUKAI TERKINI MELALUI e-LEJAR
- 4 JELASKAN TUNGGAKAN CUKAI MELALUI ByrHASiL
- 5 DAPATKAN MAKLUMAT TERKINI PERCUKAIAN MELALUI PORTAL RASMI HASiL

KE ARAH #TUNGGAKANCUKAISIFAR2022, SELAMAT DATANG 2023 !

1. SENARAI SEMAK DOKUMEN TT 2022

Sebelum 2022 berakhir, sila PASTIKAN dokumen berkaitan dengan pelepasan yang boleh dituntut dalam borang cukai anda telah disimpan dengan rapi, antaranya :

- i) Penyata pendapatan atau penggajian : Borang EC/EA, CP58, penyata bank (bagi yang bekerja sendiri), penyata pendapatan daripada syarikat pengiklanan dalam talian, penyata pendapatan daripada penyedia perkhidmatan ekonomi gig,
- ii) Penyata/resit daripada penyedia perkhidmatan : hospital, pusat pengajian/pendidikan, insurans,
- iii) Penyata/resit asal pembelian yang dibenarkan sebagai pelepasan; dan/atau
- iv) Penyata/resit daripada gerbang pembayaran digital : Paypal, FPX, ipay88, MOL, dll.

Bagi memastikan dokumen dan penyata ini disimpan dengan rapi selama tujuh (7) tahun, berikut adalah cadangan penyimpanan rekod :

- i) Setiap penyata dibuat salinan secara fizikal dan digital; dan
- ii) Kategorikan dokumen mengikut jenis pelepasan dan tahun taksiran

2. PELEPASAN SEKSYEN 132 DAN 133

Pelepasan Seksyen 132 dan 133, Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 adalah dibenarkan bagi pendapatan **yang telah dikenakan cukai di negara luar Malaysia**. Ringkasan bagi tuntutan pelepasan ini adalah seperti berikut :

SEKSYEN	PUNCA PENDAPATAN	METERAI PERJANJIAN PENGELAKAN PERCUAIAN DUA KALI (PPDK) MALAYSIA	DOKUMEN TAMBAHAN
132	Dari Luar Malaysia	ADA	Helaian Kerja 8
133		TIADA	Helaian Kerja 9

Pembayar cukai perlu mengemukakan dokumen pelaporan cukai dengan negara asal tersebut bersama-sama pengiraan dalam helaian kerja berkaitan sekiranya diperlukan bagi tujuan audit. Helaian kerja ini boleh diakses daripada Portal Rasmi HASIL, www.hasil.gov.my > Borang > Muat Turun > Individu.

3. HEBAHAN E-MEL DARIPADA HASiL

Aktiviti *e-mail blast* merupakan salah satu saluran yang dilaksanakan oleh HASiL bagi menyampaikan maklumat percukaian yang lebih pantas kepada pembayar cukai mengikut kategori yang telah ditetapkan.

Penghantaran emel menggunakan alamat noreply_contactcentre@hasil.gov.my ini turut melibatkan aktiviti pungutan cukai seperti :

- i) Notis Arahan Potongan Gaji (CP38),
- ii) Notis bayaran ansuran cukai bagi individu selain penggajian (CP500),
- iii) Notis bayaran ansuran cukai syarikat (CP204), dan
- iv) Makluman Tuggakan Baki Cukai Pendapatan.

Semakan kedudukan cukai terkini boleh dirujuk melalui e-Lejar dalam MyTax di pautan <https://mytax.hasil.gov.my/>.

4. PERKHIDMATAN TERBAIK UNTUK ANDA

HASiL merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan yang sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan, terutamanya pembayar cukai. HASiL komited dalam memastikan pembayar cukai dapat melaksanakan tanggungjawab percukaian mereka dengan lengkap dan teratur mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

HASiL juga sentiasa mengalu-alukan sebarang maklum balas dan cadangan penambahbaikan bagi melancarkan urusan kedua-dua pihak. Sebarang maklum balas, cadangan dan aduan boleh disalurkan melalui [Borang Maklum Balas Pelanggan](#).

Terima kasih atas komitmen dan kerjasama anda dalam bersama-sama membangunkan negara.

WASPADA DENGAN SCAMMER :

SENTIASA PEKA DENGAN HEBAHAN DAN PEMAKLUMAN YANG DISAMPAIKAN OLEH PIHAK BERKUASA BAGI MENGETAHUI *MODUS OPERANDI* TERKINI YANG DIGUNAKAN OLEH SCAMMER.

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.